

23 MAR 1999

Muhyiddin-Sukan Asia

RAKYAT DIMINTA TUNJUK SOKONGAN KERAJAAN ANJUR SUKAN ASIA 2006

PULAU PINANG, 23 Mac (Bernama) -- Semua rakyat di negara ini akan diminta menunjukkan sokongan terhadap usaha kerajaan membuat tawaran menjadi tuan rumah Sukan Asia 2006.

Menteri Belia dan Sukan Tan Sri Muhyiddin Yassin hari ini berkata, langkah itu adalah sebagai satu momentum sebelum Malaysia menyerahkan penawaran dan dokumen rasmi pada mesyuarat Majlis Olimpik Asia (OCA) di Kuwait, Okt depan.

Bercakap pada sidang berita selepas mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan Belia dan Sukan Malaysia di sini, beliau berkata, program terperinci, bagi mendapatkan sokongan rakyat itu, akan diumumkan tidak lama lagi.

Antara lain, beliau berkata, rakyat akan diminta menyertai program "The Great Walk," untuk menunjukkan bahawa orang Malaysia menyokong Sukan Asia 2006 diadakan di Kuala Lumpur.

"Sehingga ini, sokongan telah diperolehi daripada persatuan-persatuan sukan dan pihak kerajaan, dan kini tiba giliran sokongan daripada rakyat," katanya.

Selain itu, kata Muhyiddin, kerajaan juga bersetuju memperluaskan Program Rakan Muda ke kawasan-kawasan rancangan kemajuan tanah di seluruh negara.

Menurutnya, peruntukan RM1 juta disediakan untuk melaksanakan program itu tahun ini di kawasan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (Felda), Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan (Felcra) di negeri-negeri termasuk di Sabah dan Sarawak untuk menangani isu-isu sosial di kawasan berkenaan.

Pada keseluruhannya, kerjasama 309 buah pertubuhan belia dengan kira-kira 40,000 ahli di kawasan-kawasan berkenaan akan diperolehi untuk menjayakan aktiviti tersebut, katanya, sambil menjelaskan program seperti itu telah diperluaskan ke Institusi Pengajian Tinggi (IPT) pada tahun lepas.

Katanya, pihaknya juga akan melaksanakan Program Perkhidmatan Latihan Sukan untuk menarik minat suka bersukan di kalangan orang ramai di seluruh negara.

Program yang diperuntukkan sebanyak RM300,000, untuk tempoh antara April dan Ogos itu, yang dimulakan di ibu-ibu negeri, akan diperluaskan ke daerah-daerah jika mendapat sambutan, katanya.

Bagi perayaan Hari Belia, beliau berkata, pihaknya sedang mengatur satu program dialog antara Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan para pemimpin belia di seluruh negara.

Selain untuk merapatkan Perdana Menteri dengan para pemimpin belia, rancangan itu juga untuk membolehkan mereka memahami mengenai wawasan Perdana Menteri mengenai pelbagai perkara seperti segi politik dan ekonomi, katanya.

Menurutnya, 15,000 belia akan berkumpul di Stadium Putra di Bukit Jalil pada 15 Mei ini untuk mendengar amanat daripada Perdana Menteri, yang akan turut menyampaikan pelbagai anugerah belia negara.

--BERNAMA

AHM ZB